حَقَـائِـقُ التَّوْحِيدِ

Hakikat Istilah-istilah di dalam Ilmu Tawhid

تأليف الشيخ العلامة الفقيه الصوفي المفسر المتكلم
أَبِي زَيْدٍ عَبْدِ الرَّحْمَنِ الثَّعَالِبِيّ الهَوَّارِيّ (ت.875هـ)

Karangan:
Shaykh yang amat alim,
yang faqīh lagi ṣūfī, ahli di dalam ilmu Tafsir dan ilmu Kalām;
Imam Abū Zayd ‘Abd al-Raḥmān al-Tha‘ālibī al-Hawwārī (w.875H)

Terjemahan:
Dr. Zainul ‘Abidin bin Abdul Halim
Tenaga Pengajar Pusat Tarbiah dan Pengajian Islam
Darul Hikmah, Kuala Nerang

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، صَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani, selawat Allah ke atas penghulu kita Nabi Muḥammad.

قَالَ الشَّيْخُ الفَقِيهُ الإِمَامُ العَلاَّمَةُ أَبُو زَيْدٍ سِيِّدِي عَبْدُ الرَّحْمَنِ الثَّعَالِبِيُّ الهَوَّارِيُّ غَفَرَ اللهُ تَعَالَى لَهُ وَلِوَالِدَيْهِ آمِينَ يَا رَبَّ العَالَمِينَ:

Berkata al-Shaykh al-Faqīh al-Imām yang bersangatan ‘ālim Abū Zayd Sayyidī ‘Abd al-Raḥmān al-Tha‘ālibī al-Hawwārī – semoga Allah mengampuninya dan mengampuni kedua ibu bapanya, āmīn wahai Tuhan semessta alam.

الحَمْدُ للهِ وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah ﷺ.

حَقِيقَةُ الحَمْدِ: هُوَ الثَّنَاءُ بِالكَلاَمِ عَلَى المَحْمُودِ بِجَمِيلِ صِفَاتِهِ، سَوَاءٌ كَانَتْ مِنْ بَابِ الإِحْسَانِ، أَوْ مِنْ بَابِ الكَمَالِ المُخْتَصِّ بِالمَحْمُودِ، كَعِلْمِهِ وَشَجَاعَتِهِ.

Hakikat al-ḥamd ialah: pujian dengan kata-kata ke atas yang dipuji dengan sifat-sifatnya yang cantik, tidak kira sama ada sifat-

sifat tersebut daripada jenis iḥsān atau daripada jenis kesempurnaan yang khusus bagi yang dipuji seperti sifat ilmunya dan sifat keberaniannya.

حَقِيقَةُ الشُّكْرِ: هُوَ الثَّنَاءُ بِاللِّسَانِ وَغَيْرِهِ مِنَ القَلْبِ وَسَائِرِ الأَرْكَانِ عَلَى المُنْعِمِ بِسَبَبِ مَا ازْدَادَ إِلَى الشَّاكِرِ مِنَ المُنْعِمِ.

Hakikat syukur ialah : pujian dengan lidah atau dengan selainnya – iaitu dengan hati dan seluruh anggota tubuh badan – ke atas pemberi nikmat disebabkan bertambahnya pemberian daripada pemberi nikmat kepada orang yang bersyukur itu.

حَقِيقَةُ الجِنْسِ: هُوَ مَا صَدَقَ عَلَى كَثِيرِينَ مُخْتَلِفِينَ فِي الحَقَائِقِ.

Hakikat al-Jins ialah: suatu konsep yang terpakai kepada banyak individu dan entiti yang berbeza-beza hakikatnya.

حَقِيقَةُ الفَصْلِ: هُوَ الَّذِي يُمَيَّزُ بِهِ الشَّيْءُ عَمَّا يُشَارِكُهُ فِي جِنْسِهِ.

Hakikat al-Faṣl ialah : sifat yang dengannya dapat dibezakan sesuatu perkara daripada perkara-perkara lain yang terhimpun bersama-sama dengannya di dalam satu jins.

فَالحَمْدُ يَسْتَحِقُّه اللهُ حَقِيقَةً، وَغَيْرُهُ مَجَازًا.

Maka al-ḥamd adalah perkara yang berhak bagi Allah secara hakikat dan berhak bagi selain-Nya secara majāz.

حَقِيقَةُ المجَازِ: عِبَارَةٌ عَنْ كَلَامٍ اسْتُعْمِلَ فِي غَيْرِ مَحَلِّهِ وَتُرِكَ عَلَى حَالِهِ.

Hakikat majāz ialah : ungkapan bagi kata-kata yang digunakan pada bukan tempatnya dan dibiarkan sebagaimana keadaannya itu.

حَقِيقَةُ الحَقِيقَةِ: عِبَارَةٌ عَنْ كَلَامٍ اسْتُعْمِلَ فِي مَحَلِّهِ وَتُرِكَ عَلَى حَالِهِ.

Hakikat «hakikat» ialah : ungkapan bagi kata-kata yang digunakan pada tempatnya dan dibiarkan sebagaimana keadaannya itu.

وَالأَلِفُ وَاللاَّمُ فِي الحَمْدِ لِلْعَهْدِ.

Huruf alif dan lām pada lafaz al-ḥamd untuk memberi makna al-‘ahd iaitu perkara yang telah diketahui.

وَالمَعْهُودُ عَلَى قِسْمَيْنِ: ذِكْرِيٌّ، وَذِهْنِيٌّ.

Perkara yang diketahui pula terbahagi kepada dua ; dhikrī dan dhihnī.

حَقِيقَةُ العَهْدِ الذِّكْرِيِّ: هُوَ مَا شَاعَ بَيْنَكَ وَبَيْنَ المُخَاطَبِ ذِكْرُهُ.

Hakikat al-‘ahd al-dhihnī ialah : sesuatu yang penyebutannya telah tersebar dan diketahui antara kamu dan pihak yang sedang diajak berbicara.

حَقِيقَةُ الذِّهْنِيِّ: هُوَ مَا لَمْ يُشَاعَ بَيْنَكَ وَبَيْنَ المُخَاطَبِ ذِكْرُهُ.

Hakikat al-‘ahd al-dhikrī ialah : sesuatu yang penyebutannya belum tersebar dan diketahui antara kamu dan pihak yang sedang diajak berbicara.

حَقِيقَةُ التَّرَادُفِ: عِبَارَةٌ عَنْ تَعَدُّدِ اللَّفْظِ وَاتِّحَادِ المَعْنَى، كَمَسْجِدٍ وَحَصِيرٍ.

Hakikat tarāduf ialah : ungkapan bagi lafaz-lafaz yang berbeza tetapi membawa makna yang sama, seperti masjid (iaitu tempat sujud) dan hamparan tikar (seperti sejadah).

حَقِيقَةُ الاِشْتِرَاكِ: عِبَارَةٌ عَنِ اتِّحَادِ اللَّفْظِ وَتَعَدُّدِ المَعْنَى، كَلَفْظِ العَيْنِ.

Hakikat ishtirāk ialah : ungkapan bagi lafaz yang sama tetapi membawa makna yang berbeza-beza, seperti lafaz al-‘ayn di dalam bahasa Arab.

حَقِيقَةُ العُمُومِ وَالخُصُوصِ مِنْ وَجْهٍ: كُلُّ مَعْقُولَيْنِ تَوَارَدَا عَلَى مَحَلٍّ وَاحِدٍ، وَانْفَرَدَ كُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا بِمَحَلٍّ لاَ يُشَارِكُهُ فِيهِ غَيْرُهُ.

Hakikat umum khusus wajhī ialah : setiap dua makna yang difahami akal, yang kedua-duanya bersepakat pada tempat yang satu, dalam masa yang sama, setiap satu daripada kedua-duanya memiliki tempat yang tidak berkongsi dengan yang satu lagi.

حَقِيقَةُ اسْمِ الجَلاَلَةِ : اسْمٌ جَامِعٌ لِمَعَانِي الذَّاتِ وَالصِّفَاتِ وَالأَفْعَالِ.

Hakikat lafẓ al-jalālah ialah : nama yang menghimpunkan makna-makna dhāt, sifat-sifat dan perbuatan-perbuatan Tuhan.

وَإِنْ شِئْتَ قُلْتَ: اسْمٌ لِمَوْجُودٍ وَاجِبِ الوُجُودِ، مَوْصُوفٍ بِالصِّفَاتِ، مُنَزَّهٌ عَنِ الآفَاتِ، لاَ شَرِيكَ لَهُ فِي المَخْلُوقَاتِ.

Jika kamu kehendaki, kamu boleh katakan : ia adalah nama bagi dhāt yang wujud, yang wajib kewujudannya, yang bersifat dengan segala sifat kesempurnaan, yang suci daripada segala kekurangan, serta tidak ada baginya sekutu dari kalangan makhluk.

فَقَوْلُنَا: "اسْمٌ لِمَوْجُودٍ" رَدٌّ عَلَى الدَّهْرِيَّةِ القَائِلِينَ بِأَنَّ الأَرْحَامَ تَدْفَعُ وَالأَرْضُ تَبْلَعُ وَمَا يُهْلِكُنَا إِلاَّ الدَّهْرُ.

Maka kata-kata kita «nama bagi dhāt yang wujud» adalah penolakan ke atas pandangan golongan Dahriyyah yang mengatakan bahawa rahim-rahimlah yang menolak (keluar kelahiran), bumilah yang menelan (dan menghancurkan tubuh badan yang mati) dan hanya waktulah yang membinasakan kita.

وَقَوْلُنَا: "وَاجِبِ الوُجُودِ" رَدٌّ عَلَى مَنْ قَالَ: إِنَّ اللهَ ـ تَبَارَكَ وَتَعَالَى ـ جِسْمٌ؛ لِأَنَّهُ إِذَا كَانَ جِسْمًا يَكُونُ جَائِزَ الوُجُودِ.

Kata-kata kita «yang wajib kewujudannya» merupakan penolakan ke atas pandangan orang yang mengatakan : Sesungguhnya Allah adalah jisim. Ini kerana jika Allah adalah jisim nescaya harus kewujudannya.

وَقَوْلُنَا: "مَوْصُوفٌ بِالصِّفَاتِ" رَدٌّ عَلَى المُعَطِّلَةِ النَّافِينَ لِصِفَاتِ المَعَانِي.

Kata-kata kita «yang bersifat dengan segala sifat kesempurnaan» adalah penolakan ke atas golongan Mu‘aṭṭilah yang menafikan sifat-sifat ma‘ānī.

وَقَوْلُنَا: "لاَ شَرِيكَ لَهُ فِي المَخْلُوقَاتِ" رَدٌّ عَلَى القَدَرِيَّةِ القَائِلِينَ بِأَنَّ العَبْدَ يَخْلُقُ أَفْعَالَهُ الاِخْتِيَارِيَّةِ أَهْلَكَهُمُ اللهُ تَعَالَى.

Kata-kata kita «tidak ada baginya sekutu dari kalangan makhluk» merupakan penolakan ke atas golongan Qadariyyah yang mengatakan bahawa hamba-lah yang menjadikan perbuatan-perbuatannya yang bersifat ikhtiyārī. Semoga Allah membinasakan mereka.

وَالاِسْمُ هُوَ عَيْنُ المُسَمَّى عِنْدَ أَهْلِ السُّنَّةِ رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهُمْ.

Nama adalah diri perkara yang dinamakan dengan nama tersebut di sisi Ahlussunnah.

حَقِيقَةُ الاِسْمِ: عِبَارَةٌ عَنِ المَعْنَى الَّذِي بَيَّنَ وُجُودَ المُسَمَّى أَوْ بَيَّنَ صِفَةً إِنْ كَانَ الاِسْمُ يَدُلُّ عَلَى صِفَةٍ.

Hakikat nama ialah : ungkapan bagi makna yang menjelaskan kewujudan perkara yang dinamakan dengan nama tersebut, atau ia adalah makna yang menerangkan sesuatu sifat jika nama tersebut menunjukkan kepada sesuatu sifat.

وَاعْلَمْ أَنَّ المَعْقُولاَتِ أَرْبَعَةٌ: الاِسْمُ، وَالمُسَمَّى، وَالمُسَمِّي، وَالتَّسْمِيَةُ. فَالاِسْمُ: تَقَدَّمَتْ حَقِيقَتُهُ.

Ketahuilah olehmu bahawa perkara yang dapat difahami di dalam akal fikiran (dalam perbahasan ini) ada empat perkara : nama, perkara yang dinamakan dengan nama itu, pemberi nama dan penamaan. Maka hakikat nama telah lalu dinyatakan.

حَقِيقَةُ المُسَمَّى: هِيَ الذَّاتُ المَوْضُوعُ لَهَا ذَلِكَ الاِسْمُ.

Hakikat perkara yang diberikan sesuatu nama ialah : dhāt yangdiletakkan baginya nama tersebut.

حَقِيقَةُ المُسَمِّي: هُوَ الوَاضِعُ لِذَلِكَ الاِسْمِ.

Hakikat pemberi nama ialah : yang meletakkan nama tersebut.

حَقِيقَةُ التَّسْمِيَةِ: جَعْلُ ذَلِكَ اللَّفْظِ دَلِيلاً عَلَى ذَلِكَ المَعْنَى.

Hakikat penamaan ialah : perbuatan menjadikan lafaz tersebut sebagai penunjuk kepada maknanya.

حَقِيقَةُ الصَّلاَةِ عَلَى رَسُولِّ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَسْلِيمًا: هِيَ زِيَادَةُ تَكْرِمَةٍ وَإِنْعَامٍ.

Hakikat selawat ke atas Rasulullah ﷺ ialah: penambahan pemuliaan dan pemberian nikmat.

حَقِيقَةُ السَّلاَمُ: زِيَادَةُ تَأْمِينٍ وَطَيِّبِ تَحِيَّةٍ وَإِعْظَامٍ.

Hakikat salam ialah : penambahan pemberian keselamatan dan ucapan penghormatan yang baik serta pembesaran.

حَقِيقَةُ العِلْمِ الحَادِثِ: عِبَارَةٌ عَنْ حُصُولِ صُورَةِ الشَّيْءِ فِي الذِّهْنِ.

Hakikat ilmu yang baharu ialah : ungkapan bagi terhasilnya rupa gambaran sesuatu di dalam fikiran.

وَالعِلْمُ الحَادِثُ يَنْقَسِمُ إِلَى قِسْمَيْنِ: تَصَوُّرٍ وَتَصْدِيقٍ.

Ilmu yang baharu terbahagi kepada dua : taṣawwur dan taṣdīq.

حَقِيقَةُ التَّصَوُّرِ: إِدْرَاكُ المَاهِيَةِ مِنْ غَيْرِ أَنْ تَحْكُمَ عَلَيْهَا بِنَفْيٍ وَلاَ إِثْبَاتٍ.

Hakikat taṣawwur ialah : memahami sesuatu hakikat tanpa menghukumnya dengan sebarang penafian atau penetapan.

حَقِيقَةُ التَّصْدِيقِ: إِدْرَاكُ المَاهِيَةِ مَعَ حُكْمِكَ عَلَيْهَا بِالنَّفْيِ أَوْ بِالإِثْبَاتِ.

Hakikat taṣdīq ialah : memahami sesuatu hakikat beserta menghukumnya dengan penafian atau penetapan.

حَقِيقَةُ عِلْمِ الكَلاَمِ: هُوَ العِلْمُ بِأَحْكَامِ الأُلُوهِيَّةِ وَإِرْسَالِ الرُّسِلِ وَصِدْقِهِمْ فِي جَمِيعِ أَخْبَارِهِمْ، وَمَا يَتَوَقَّفُ عَلَيْهِ شَيْءٌ مِنْ ذَلِكَ خَاصًّا بِهِ، بِقُوَّةٍ هِيَ مَظَنَّةٌ لِرَدِّ الشُّبُهَاتِ وَحَلِّ الشُّكُوكَاتِ.

Hakikat ilmu kalam ialah : ilmu berkenaan hukum-hakam ketuhanan, pengutusan para rasul, kebenaran mereka dalam semua perkhabaran yang mereka sampaikan, serta semua perkara yang mana hal-hal itu tadi bergantung kepadanya secara khusus, dengan kekuatan yang dianggap sesuai untuk menolak syubhat-syubhat dan merungkaikan syak-syak.

حَقِيقَةُ مَوْضُوعِ عِلْمِ الكَلاَمِ: مَاهِيَّةُ المُمْكِنَاتِ مِنْ حَيْثُ دَلاَلَتُهَا عَلَى وُجُوبِ وُجُودِ مُوجِدِهَا.

Hakikat objek kajian ilmu Kalām ialah : hakikat perkara-perkara yang mumkin dari segi penunjukkannya kepada kewajipan wujud penciptanya.

حَقِيقَةُ الحُكْمِ العَقْلِيِّ: هُوَ إِثْبَاتُ أَمْرٍ أَوْ نَفْيُهُ مِنْ غَيْرِ تَوَقُّفٍ عَلَى تَكَرُّرٍ وَلاَ وَضْعِ وَاضِعٍ.

Hakikat hukum akal ialah : penetapan suatu perkara atau penafiannya tanpa perlu bergantung kepada proses pengulangan atau kepada perletakan oleh mana-mana peletak hukum.

حَقِيقَةُ العَقْلِ: عِلْمٌ ضَرُورِيٌّ امْتَنَعَ خُلُوُّ المَوْصُوفِ بِالعَقْلِ مِنْهُ، لاَ يُشَارِكُهُ فِيهِ مَنْ لَيْسَ بِعَاقِلٍ.

Hakikat akal ialah : ilmu yang bersifat ḍarūrī di mana seseorang yang memiliki akal tidak terlepas daripada ilmu tersebut, dan sesuatu yang tidak berakal tidak berkongsi ilmu tersebut dengan pemilik akal.

وَالاِنْحِصَارُ أَخَصُّ، وَالاِنْقِسَامُ أَعَمُّ.

Pengehadan lebih khusus manakala pembahagian lebih umum.

حَقِيقَةُ الأَخَصِّ: هُوَ الَّذِي لاَ يُوجَدُ بِدُونِ الأَعَمِّ.

Hakikat perkara yang lebih khusus ialah : perkara yang tidak akan wujud tanpa kewujudan yang lebih umum.

حَقِيقَةُ الأَعَمِّ: هُوَ الَّذِي يُوجَدُ مَعَ الأَخَصِّ وَبِدُونِهِ.

Hakikat perkara yang lebih umum ialah : perkara yang boleh wujud bersama dengan kewujudan perkara yang lebih khusus atau tanpa kewujudannya.

حَقِيقَةُ الوُجُوبِ: هُوَ الثُّبُوتُ الَّذِي لاَ يَقْبَلُ النَّفْيَ.

Hakikat kewajipan ialah : suatu ketetapan yang tidak menerima penafian.

حَقِيقَةُ الاِسْتِحَالَةِ: هِيَ النَّفْيُ الَّذِي لاَ يَقْبَلُ الثُّبُوتَ.

Hakikat kemustahilan ialah : suatu penafian yang tidak menerima penetapan.

حَقِيقَةُ الجَوَازِ: هُوَ الَّذِي يَقْبَلُ الثُّبُوتَ وَالاِنْتِفَاءَ مَعًا.

Hakikat keharusan ialah : suatu perkara yang menerima penetapan dan penafian secara sama.

وَوَجْهُ الحَصْرِ فِي هَذِهِ الثَّلاثَةِ أَنْ تَقُولَ: الزَّائِدُ المُدَّعَى لاَ يَخْلُو: إِمَّا أَنْ يَقْبَلَ الثُّبُوتَ فَقَطْ، أَوِ النَّفْيَ فَقَطْ، أَوْ يَقْبَلُهُمَا مَعًا، فَالأَوَّلُ: الوَاجِبُ، وَالثَّانِي: المُسْتَحِيلُ، وَالثَّالِثُ: الجَائِزُ.

Sebab pengehadan (hukum akal) kepada tiga bahagian ini ialah engkau katakan: perkara lain yang didakwa (penyabitannya bagi sesuatu hakikat) tidak terlepas (daripada tiga keadaan); sama ada ia menerima penetapan sahaja, atau penafian sahaja, atau kedua-duanya sekali. Maka yang pertama itu adalah perkara yang wajib, yang kedua adalah perkara yang mustahil, manakala yang ketiga adalah perkara yang harus.

وَالوَاجِبُ مَحْدُودٌ، وَحَدُّهُ هُوَ قَوْلُكَ: مَا لاَ يُتَصَوَّرُ فِي العَقْلِ عَدَمُهُ.

Perkara yang wajib boleh ditakrifkan dengan menggunakan al-ḥad. Takrifannya adalah kata-katamu : perkara yang tidak terbayang pada akal ketiadaannya.

حَقِيقَةُ المَحْدُودِ: هُوَ مَا تَعَلَّقَ بِهِ الحَدُّ أَوْ مَا فَسَّرَهُ الحَدُّ، أَوْ مَا مَيَّزَهُ الحَدُّ.

Hakikat maḥdūd ialah : perkara yang bersangkut paut al-ḥad dengannya, atau perkara yang ditafsirkan oleh al-ḥad, atau perkara yang dibezakan oleh al-ḥad.

وَقَوْلُكَ: مَا لاَ يُتَصَوَّرُ فِي العَقْلِ عَدَمُهُ: تَفْسِيرٌ.

Kata-katamu «perkara yang tidak terbayang pada akal ketiadaannya» adalah suatu tafsiran.

حَقِيقَةُ التَّفْسِيرِ: هُوَ إِبْدَالُ اللَّفْظِ بِلَفْظٍ أَشْهَرَ مِنْهُ، وَهُوَ قَوْلُكَ: مَا لاَ يُتَصَوَّرُ فِي العَقْلِ عَدَمُهُ. ثُمَّ افْعَلْ ذَلِكَ فِي سَائِرِ الحُدُودِ.

Hakikat tafsir ialah : penukaran suatu lafaz dengan lafaz lain yang lebih dikenali, iaitu kata-katamu «perkara yang tidak terbayang pada akal ketiadaannya». Kemudian lakukanlah hal yang sama dalam semua takrifan-takrifan.

حَقِيقَةُ الوَاجِبِ وَالجَائِزِ وَالمُسْتَحِيلِ: هُوَ مَا قَالَ الشَّيْخُ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ وَنَفَعَنَا بِهِ.

Hakikat perkara yang wajib, mustahil dan harus ialah apa yang telah disebut oleh Shaykh (yakni Imam al-Sanūsī) RA.

وَالجَائِزُ يَنْقَسِمُ إِلَى قِسْمَيْنِ: ضَرُورِيٌّ، وَنَظَرِيٌّ.

Perkara yang harus terbahagi kepada dua : ḍarūrī dan naẓarī.

حَقِيقَةُ الضَّرُورِيِّ: هُوَ مَا يُدْرِكُهُ العَقْلُ بِلاَ تَأَمُّلٍ.

Hakikat perkara yang ḍarūrī ialah : perkara yang difahami oleh akal tanpa perlu berfikir.

حَقِيقَةُ النَّظَرِيِّ: هُوَ مَا يُدْرِكُهُ العَقْلُ بَعْدَ التَّأَمُّلِ الاِخْتِيَارِيِّ.

Hakikat perkara yang naẓarī ialah : perkara yang difahami oleh akal setelah proses berfikir yang dilakukan secara ikhtiyārī.

وَكُلٌّ هَلْ هِيَ مِنْ بَابِ الكُلِّ أَوِ الكُلِّيِّ؟

Adakah lafaz "كل" termasuk di dalam bab al-kull atau bab al-kulliyyah?

حَقِيقَةُ الكُلِّ: الحُكْمُ عَلَى المَجْمُوعِ مِنْ حَيْثُ هُوَ مَجْمُوعٌ، فَإِذَا قَامَتْ بِهِ طَائِفَةٌ سَقَطَ عَنِ البَاقِينَ، كَقَوْلِكَ: كُلُّ بَنِي تَمِيمَ يَحْمِلُونَ الصَّخْرَ.

Hakikat al-kull ialah : hukum yang diberikan kepada sesuatu kumpulan dengan melihat ia sebagai satu kumpulan, jika perbuatan tersebut dilakukan oleh sebahagian dari kalangan mereka maka gugurlah tuntutan perbuatan tersebut daripada

individu yang lain, seperti kata-katamu «semua Bani Tamim mengangkat batu besar itu».

حَقِيقَةُ الكُلِّيَّةِ: هِيَ الحَاكِمَةُ بِالتَّعْمِيمِ فِي الإِيجَابِ وَالسَّلْبِ.

Hakikat kulliyyah ialah : lafaz كل yang menghukum agar diumumkan penetapan atau penafian sesuatu hukum.

حَقِيقَةُ المُكَلَّفِ: هُوَ البَالِـغُ العَاقِلُ الَّذِي بَلَغَتْهُ الدَّعْوَةُ.

Hakikat mukallaf ialah : orang yang baligh, berakal dan telah sampai kepadanya dakwah Islam.

حَقِيقَةُ المَعْرِفَةِ: هِيَ الجَزْمُ المُطَابِقُ عَنْ دَلِيلٍ.

Hakikat makrifah ialah : keyakinan yang teguh, yang bertepatan dengan realiti sebenar sesuatu perkara, dan ia bersumber daripada suatu bukti yang pasti.

حَقِيقَةُ الظَّنِّ: هُوَ رَاجِحُ أَحَدِ الطَّرَفَيْنِ.

Hakikat ẓan ialah : bahagian yang lebih kuat kemungkinannya di antara dua bahagian.

وَالوَهْمُ: مَرْجُوحُ أَحَدِ الطَّرَفَيْنِ.

Waham ialah : bahagian yang lebih lemah kemungkinannya di antara dua bahagian.

وَالشَّكُّ: مَا اسْتَوَى طَرَفَاهُ.

Syak ialah : perkara yang sama kemungkinan kedua-dua bahagiannya.

حَقِيقَةُ القَصْدِ إِلَى النَّظَرِ: تَوْجِيهُ القَلْبِ بِقَطْعِ العَلاَئِقِ المُنَافِيَةِ كَالكِبْرِ وَشِبْهِهِ.

Hakikat kehendak untuk melakukan penelitian akal ialah : mengarahkan hati (kepada perkara yang ingin diteliti) dengan cara memutuskan segala ikatan-ikatan hati yang bercanggah dengannya seperti sifat sombong dan yang seumpamanya.

حَقِيقَةُ النَّظَرِ: هُوَ وَضْعُ مَعْلُومَيْنِ، أَوْ تَرْتِيبُ مَعْلُومَيْنِ فَصَاعِدًا عَلَى وَجْهٍ يُتَوَصَّلُ بِهِ إِلَى المَطْلُوبِ.

Hakikat penelitian akal ialah : meletakkan dua maklumat yang diketahui, atau menyusun dua atau lebih maklumat tersebut

sesuai bentuk yang dapat menyampaikan kepada perkara yang ingin diteliti.

وَإِنْ شِئْتَ قُلْتَ: هُوَ الفِكْرُ المُرَتَّبُ فِي النَّفْسِ عَلَى طَرِيقٍ يُفْضِي إِلَى العِلْمِ أو الظنِّ، يَطْلُبُ بِهِ مَنْ قَامَ بِهِ عِلْمًا فِي العِلْمِيَّاتِ، أَوْ غَلَبَةَ ظَنٍّ فِي المَظْنُونَاتِ.

Jika kamu kehendaki, kamu boleh katakan : ia adalah proses berfikir yang tersusun di dalam jiwa seseorang sesuai jalan yang dapat menyampaikan kepada keyakinan atau kuat sangkaan. Orang yang melakukan penelitian ini, menggunakannya untuk memperolehi ilmu yang pasti dalam hal-hal yang memerlukan natijah yang pasti, atau dia menggunakannya untuk memperolehi natijah yang bersifat ẓan dalam hal-hal yang ẓannī.

حَقِيقَةُ التَّقْلِيدِ: اعْتِقَادٌ جَازِمٌ لِقَوْلِ غَيْرِ مَعْصُومٍ.

Hakikat taqlid ialah : iktikad yang teguh kerana berpegang dengan kata-kata orang yang bukan ma‘ṣūm.

وَإِنْ شِئْتَ قُلْتَ فِي التَّقْلِيدِ: هُوَ الجَزْمُ المُطَابِقُ فِي عَقَائِدِ الإِيمَانِ بِلاَ دَلِيلٍ.

Jika kamu kehendaki kamu boleh katakan bagi takrifan taqlid : ia adalah keyakinan yang teguh yang bertepatan dengan realiti yang sebenar dalam hal-hal akidah dan iman tanpa sebarang dalil.

حَقِيقَةُ الوُجُودِ: هُوَ الحَالُ الوَاجِبَةُ مَا دَامَتِ الذَّاتُ غَيْرَ مُعَلَّلَةٍ بِعِلَّةٍ. احْتَرَزَ بِهِ مِنَ المَعْنَوِيَّةِ، فَإِنَّهَا مُعَلَّلَةٌ بِالمَعَانِي.

Hakikat wujud ialah : ḥāl yang wajib selagi mana ada dhāt dalam keadaan ḥāl tersebut bukanlah lāzim bagi suatu ‘illah. Sifat ma‘nawiyyah terkeluar daripada takrifan ini dengan qayd yang terakhir ini, sesungguhnya ia merupakan lawāzim bagi sifat ma‘ānī.

وَالوُجُودُ صِفَةٌ نَفْسِيَّةٌ.

Sifat wujud ialah sifat nafsiyyah.

حَقِيقَةُ الصِّفَةِ النَّفْسِيَّةِ: هِيَ الَّتِي لاَ يُعْقَلُ المَوْصُوفُ بِدُونِهَا.

Hakikat sifat nafsiyyah ialah : sifat yang tidak tidak diterima akal akan kewujudan mauṣūfnya tanpa sifat tersebut.

وَإِنْ شِئْتَ قُلْتَ: هِيَ الَّتِي لاَ تَتَقَرَّرُ حَقِيقَةُ الذَّاتِ بِدُونِهَا.

Jika kamu kehendaki kamu boleh katakan : ia adalah sifat yang tidak akan tetap hakikat dhāt tanpanya.

وَإِنْ شِئْتَ قُلْتَ: هِيَ الَّتِي لاَ يَصِحُّ تَوَهُّمُ انْتِفَائِهَا مَعَ بَقَاءِ الذَّاتِ.

Jika kamu kehendaki kamu boleh katakan : ia adalah sifat yang tidak boleh dibayangkan ketiadaannya, dalam masa yang sama masih kekal dhāt.

حَقِيقَةُ القِدَمِ: عِبَارَةٌ عَنْ سَلْبِ العَدَمِ السَّابِقِ لِلْوُجُودِ.

Hakikat qidam ialah : ungkapan bagi penafian ketiadaan yang mendahului kewujudan.

وَإِنْ شِئْتَ قُلْتَ: عِبَارَةٌ عَنْ سَلْبِ الأَوّلية للوجود.

Jika kamu kehendaki kamu boleh katakan : ia adalah ungkapan bagi penafian permulaan bagi kewujudan.

وَإِنْ شِئْتَ قُلْتَ: عِبَارَةٌ عَنْ سَلْبِ اِفْتِتَاحِ الوُجُودِ.

Jika kamu kehendaki kamu boleh katakan : ia adalah ungkapan bagi ketiadaan pembukaan kewujudan.

وَإِنْ شِئْتَ قُلْتَ: هُوَ اِسْتِمْرَارُ الوُجُودِ فِي المَاضِي إِلَى غَيْرِ غَايَةٍ.

Jika kamu kehendaki kamu boleh katakan : ia adalah berterusannya kewujudan pada waktu yang telah lalu sehingga tiada penghujung.

حَقِيقَةُ البَقَاءِ: عِبَارَةٌ عَنْ سَلْبِ العَدَمِ اللاَّحِقِ لِلْوُجُودِ.

Hakikat baqā’ ialah : ungkapan bagi penafian ketiadaan yang datang setelah kewujudan.

وَإِنْ شِئْتَ قُلْتَ: عِبَارَةٌ عَنْ سَلْبِ الآخِرِيَّةِ لِلْوُجُودِ.

Jika kamu kehendaki kamu boleh katakan : ia adalah ungkapan bagi penafian pengakhiran kewujudan.

وَإِنْ شِئْتَ قُلْتَ: عِبَارَةٌ عَنْ سَلْبِ النِّهَايَةِ لِلْوُجُودِ.

Jika kamu kehendaki kamu boleh katakan : ia adalah ungkapan bagi penafian penghujung bagi kewujudan.

وَإِنْ شِئْتَ قُلْتَ: هُوَ اِسْتِمْرَارُ الوُجُودِ فِي المُسْتَقْبَلِ إِلَى غَيْرِ نِهَايَةٍ.

Jika kamu kehendaki kamu boleh katakan : ia adalah berterusannya kewujudan pada waktu yang akan datang sehingga tidak berpenghujung.

حَقِيقَةُ المُخَالَفَةِ: عِبَارَةٌ عَنْ سَلْبِ الجِرْمِيَّةِ وَالعَرَضِيَّةِ وَلَوَازِمِهَا.

Hakikat mukhālafah ialah : ungkapan bagi penafian berjirim, bersifat dengan sifat makhluk dan segala hal yang melaziminya.

حَقِيقَةُ المِثْلَيْنِ: هُمَا الأَمْرَانِ المُسْتَوِيَانِ فِي جَمِيعِ صِفَاتِ النَّفْسِ.

Hakikat dua perkara yang sama ialah : dua perkara yang sama pada kesemua sifat-sifat nafsiyyahnya.

حَقِيقَةُ القِيَامِ بِالنَّفْسِ: عِبَارَةٌ عَنْ سَلْبِ الاِفْتِقَارِ إِلَى المَحَلِّ وَالمُخَصِّصِ.

Hakikat berdiri dengan sendirinya ialah : ungkapan bagi penafian keperluan kepada dhāt lain yang menjadi tempat baginya dan keperluan kepada pencipta yang menentukan hal yang harus baginya.

وَإِنْ شِئْتَ قُلْتَ: عِبَارَةٌ عَنِ الغِنَى المُطْلَقِ.

Jika kamu kehendaki kamu boleh katakan : ia adalah ungkapan bagi ketidakperluan kepada sesuatu secara mutlak.

حَقِيقَةُ الوَحْدَانِيَّةِ: عِبَارَةٌ عَنْ سَلْبِ الكَمِّ المُتَّصِلِ وَالمُنْفَصِلِ فِي الذَّاتِ وَالصِّفَاتِ وَالأَفْعَالِ.

Hakikat keesaan ialah : ungkapan bagi penafian kam muttaṣil dan munfaṣil pada dhāt, sifat-sifat dan perbuatan-perbuatan Allah.

وَإِنْ شِئْتَ قُلْتَ: عِبَارَةٌ عَنْ سَلْبِ المَثِيلِ فِي الذَّاتِ، وَالنَّظِيرِ فِي الصِّفَاتِ، وَسَلْبِ الشَّرِيكِ فِي الأَفْعَالِ.

Jika kamu kehendaki kamu boleh katakan : ia adalah ungkapan bagi penafian sesuatu yang menyerupai-Nya pada dhāt, yang mirip dengan-Nya pada sifat-sifat, dan yang menjadi sekutu bagi-Nya dalam perbuatan-perbuatan.

حَقِيقَةُ السُّلُوبِ عَلَى الجُمْلَةِ: كُلُّ صِفَةٍ تُنَافِي مَا يَمْتَنِعُ أَنْ يَتَّصِفَ بِهِ البَارِئُ.

Hakikat sifat salbiyyah secara umumnya ialah : setiap sifat yang bertentangan dengan perkara yang mustahil untuk al-Bārī bersifat dengannya.

حَقِيقَةُ القُدْرَةِ: صِفَةٌ يَتَأَتَّى بِهَا إِيجَادُ كُلِّ مُمْكِنٍ وَإِعْدَامُهُ عَلَى وِفْقِ الإِرَادَةِ.

Hakikat qudrah ialah : sifat yang dengannya boleh untuk menjadikan setiap yang harus dan boleh juga untuk meniadakannya sesuai kehendak Allah.

حَقِيقَةُ الإِرَادَةِ: صِفَةٌ بِهَا تَخْصِيصُ الْمُمْكِنِ بِبَعْضِ مَا يَجُوزُ عَلَيْهِ.

Hakikat irādah ialah : sifat yang dengannya dapat mengkhususkan perkara yang mumkin dengan sebahagian hal yang harus ke atasnya.

حَقِيقَةُ العِلْمِ: صِفَةٌ يَنْكَشِفُ بِهَا الْمَعْلُومُ عَلَى مَا هُوَ بِهِ.

Hakikat ilmu ialah : sifat yang tersingkap dengannya perkara yang dapat diketahui sesuai hakikat sebenar perkara tersebut.

حَقِيقَةُ الحِكْمَةِ: عِبَارَةٌ عَنْ تَحْقِيقِ العِلْمِ أَوْ إِتْقَانُ العَمَلِ، وَهِيَ أَخَصُّ مِنَ العِلْمِ.

Hakikat hikmah ialah : ungkapan bagi mewujudkan ilmu dan menyempurnakan amal. Ia lebih khusus berbanding ilmu.

حَقِيقَةُ الحَيَاةِ: صِفَةٌ تُصَحِّحُ لِمَنْ قَامَتْ بِهِ أَنْ يَتَّصِفَ بِالإِدْرَاكِ.

Hakikat hidup ialah : sifat yang mengesahkan bagi dhāt yang bersifat dengannya untuk ia bersifat dengan idrāk.

حَقِيقَةُ التَّعَلُّقِ: طَلَبُ الصِّفَةِ أَمْرًا زَائِدًا عَلَى القِيَامِ بِمَحَلِّهَا.

Hakikat ta'alluq ialah : sesuatu sifat menuntut akan perkara yang lain selain penyifatan dhāt dengan sifat tersebut.

حَقِيقَةُ السَّمْعِ: صِفَةٌ يَنْكَشِفُ بِهَا المَوْجُودُ عَلَى مَا هُوَ بِهِ انْكِشَافًا يُبَايِنُ سِوَاهُ ضَرُورَةً.

Hakikat sama' ialah : sifat yang tersingkap dengannya perkara yang wujud sesuai keadaan sebenarnya dengan singkapan yang berbeza berbanding sifat lain secara pasti.

وَالبَصَرُ: مِثْلُهُ.

Hakikat baṣar juga sama seperti itu.

وَالإِدْرَاكُ عَلَى القَوْلِ بِهِ مِثْلُهُمَا.

Sifat idrāk berdasarkan pendapat yang menetapkan sifat ini juga mempunyai takrif yang sama dengan kedua-dua sifat tadi.

حَقِيقَةُ الكَلَامِ الأَزَلِيِّ: هُوَ المَعْنَى القَائِمُ بِالذَّاتِ، المُعَبَّرُ عَنْهُ بِأَنْوَاعِ

العِبَارَاتِ المُخْتَلِفَاتِ، المُبَايِنُ لِجِنْسِ الحُرُوفِ وَالأَصْوَاتِ، المُنَزَّهُ عَنِ الكُلِّ وَالبَعْضِ وَالتَّقْدِيمِ وَالتَّأْخِيرِ وَالتَّجَدُّدِ وَالسُّكُوتِ وَاللَّحْنِ وَالإِعْرَابِ وَسَائِرِ أَنْوَاعِ التَّغَيُّرَاتِ، المُتَعَلِّقُ بِمَا يَتَعَلَّقُ بِهِ العِلْمُ مِنَ التَّعَلُّقَاتِ.

Hakikat sifat kalām yang azalī ialah: sifat yang ada pada zhāt, yang diungkap dengan berbagai jenis ungkapan yang berbeza-beza, yang berlainan dengan jenis huruf dan suara, yang suci daripada memiliki seluruh, sebahagian, mendahulukan sesuatu perkara atau melewatkannya, suci daripada memiliki pembaharuan, diam, bunyi irama, i'rāb dan kesemua jenis perubahan. Sifat kalām ini berta'alluq dengan semua perkara yang menjadi tempat ta'alluq sifat ilmu.

حَقِيقَةُ المَعَانِي عَلَى الجُمْلَةِ: كُلُّ صِفَةٍ مَوْجُودَةٍ قَائِمَةٍ بِذَاتِهِ تَعَالَى مُوجِبَةٍ لِذَاتِهِ حُكْمًا.

Hakikat sifat-sifat ma'ānī secara keseluruhannya ialah : setiap sifat yang wujud, yang ada pada dhāt Allah Taala yang mewajibkan bagi dhāt suatu hukum.

حَقِيقَةُ المَعْنَوِيَّةِ عَلَى الجُمْلَةِ: كُلُّ صِفَةٍ ثُبُوتِيَّةٍ لاَ تَتَّصِفُ بِالوُجُودِ وَلاَ بِالعَدَمِ، مُلاَزِمَةٌ لِصِفَاتِ المَعَانِي.

Hakikat sifat ma‘nawiyyah secara umumnya ialah : setiap sifat thubūtiyyah yang tidak bersifat dengan wujud dan tidak juga bersifat dengan tiada, dan ia sentiasa melazimi sifat ma‘ānī.

حَقِيقَةُ صِفَاتِ الأَفْعَالِ: عِبَارَةٌ عَنْ صُدُورِ الأَثَرِ عَنْ قُدْرَتِهِ وَإِرَادَتِهِ، كَخَلْقِهِ وَرَزْقِهِ.

Hakikat sifat af‘āl ialah : ungkapan bagi terhasilnya kesan daripada sifat qudrah dan irādah Allah, seperti penciptaan dan pemberian rezeki.

حَقِيقَةُ الصِّفَاتِ الجَامِعَةِ: عِبَارَةٌ عَنْ مَعْنًى يَنْدَرِجُ فِيهِ سَائِرُ الأَقْسَامِ السِّتَّةِ: كَالكِبْرِيَاءِ، وَالعَظَمَةِ، وَالأُلُوهِيَّةِ. فَإِذَا قُلْتَ: تَكَبَّرَ اللهُ بِكَذَا، دَخَلَ كُلُّ مَا يَجِبُ، وَإِذَا قُلْتَ: تَكَبَّرَ اللهُ عَنْ كَذَا، يَخْرُجُ كُلُّ مَا يَسْتَحِيلُ، ثُمَّ كَذَا فِي العَظَمَةِ وَالأُلُوهِيَّةِ.

Hakikat sifat jāmi‘ah ialah : ungkapan bagi sifat yang terkandung di dalamnya keenam-enam kategori sifat, seperti sifat kebesaran, sifat keagungan dan ketuhanan. Jika kamu katakan «Maha besar Allah dengan sekian-sekian perkara» maka masuk di dalamnya segala sifat yang wajib bagi-Nya. Jika kamu katakan «Maha besar Allah daripada sekian-sekian perkara» maka terkeluar semua perkara yang mustahil. Begitu jugalah pada sifat keagungan dan sifat ketuhanan-Nya.

حَقِيقَةُ النَّقِيضَيْنِ: عِبَارَةٌ عَنْ ثُبُوتِ أَمْرٍ وَنَفْيِهِ، كَوُجُودِ زَيْدٍ وَعَدَمِهِ.

Hakikat dua perkara yang saling menafikan ialah : ungkapan bagi tetapnya sesuatu perkara atau ternafinya ia, seperti kewujudan Zayd dan ketiadaannya.

حَقِيقَةُ العَدَمِ وَالمَلَكَةِ: عِبَارَةٌ عَنْ ثُبُوتِ أَمْرٍ وَنَفْيِهِ عَمَّا مِنْ شَأْنِهِ أَنْ يَتَّصِفَ بِهِ، كَالبَصَرِ وَالعَمَى.

Hakikat ‘adam dan malakah ialah : ungkapan bagi tetapnya sesuatu perkara atau ternafinya ia daripada perkara yang sepatutnya bersifat dengannya, seperti melihat dan buta.

حَقِيقَةُ الضِّدَّيْنِ: هُمَا الأَمْرَانِ الوُجُودِيَّانِ اللَّذَانِ بَيْنَهُمَا غَايَةُ الخِلاَفِ، وَلاَ تَتَوَقَّفُ عَقْلِيَّةُ أَحَدِهِمَا عَلَى عَقْلِيَّةِ الآخَرِ، كَالبَيَاضِ وَالسَّوَادِ.

Hakikat dua perkara yang berlawanan ialah : dua perkara yang wujud yang sangat berbeza antara kedua-duanya, dan pemahaman terhadap salah satu daripadanya tidak bergantung kepada pemahaman perkara yang satu lagi, seperti hitam dan putih.

حَقِيقَةُ الْمُتَضَايِفَيْنِ: هُمَا الأَمْرَانِ الوُجُودِيَّانِ اللَّذَانِ بَيْنَهُمَا غَايَةُ الخِلاَفِ، وَتَتَوَقَّفُ عَقْلِيَّةُ أَحَدِهِمَا عَلَى عَقْلِيَّةِ الآخَرِ، كَالأُبُوَّةِ وَالبُنُوَّةِ.

Hakikat dua perkara yang saling bersandar kepada yang satu lagi ialah: dua perkara yang wujud yang sangat berbeza antara keduanya dan pemahaman terhadap salah satu daripadanya bergantung kepada pemahaman perkara yang satu lagi, seperti pemahaman makna bapa dan anak.

حَقِيقَةُ الخِلاَفَيْنِ: هُمَا اللَّذَانِ يَجْتَمِعَانِ وَيَرْتَفِعَانِ، كَالكَلاَمِ وَالقُعُودِ.

Hakikat dua perkara yang berbeza ialah : dua perkara yang boleh ada kedua-duanya bersama-sama dan boleh juga dinafikan kedua-duanya, seperti berkata-kata dan duduk.

حَقِيقَةُ الْمِثْلَيْنِ: هُمَا الأَمْرَانِ الْمُتَسَاوِيَانِ فِي جَمِيعِ صِفَاتِ النَّفْسِ، فِيمَا يَجِبُ وَيَجُوزُ وَيَسْتَحِيلُ.

Hakikat dua perkara yang serupa ialah : dua perkara yang sama pada kesemua sifat nafsiyyahnya, sama pada perkara yang wajib, harus dan mustahil (bagi kedua-dua perkara tersebut).

حَقِيقَةُ الجِرْمِ: هُوَ الَّذِي أَخَذَ قَدْرَ ذَاتِهِ مِنَ الفَرَاغِ بِحَيْثُ يَمْنَعُ غَيْرَهُ أَنْ يَحُلَّ حَيْثُ حَلَّ.

Hakikat jirim ialah : perkara yang mengambil ruang dengan kadar dirinya iaitu sekira-kira ia menghalang perkara lain daripada menempati ruang yang ditempati olehnya.

حَقِيقَةُ الفَرَاغِ: عِبَارَةٌ عَنْ كُلِّ مُنْخَرِقٍ مُمْدُودٍ.

Hakikat ruang ialah : ungkapan bagi setiap kekosongan yang terbuka (tidak berisi dengan sesuatu jirim) dan memanjang (iaitu luas).

وَإِنْ شِئْتَ قُلْتَ: كَوْنُ الجِرْمَيْنِ لاَ يَتَمَاسَّانِ وَلاَ بَيْنَهُمَا مَا يُمَاسُّهُمَا.

Jika kamu kehendaki, kamu boleh katakan : ruang ialah keadaan dua jirim yang tidak saling bersentuhan dan tiada di antara kedua-dua jirim tersebut sesuatu perkara yang menyentuh kedua-dua jirim itu.

حَقِيقَةُ العَرَضِ: هُوَ الَّذِي لَمْ يَأْخُذْ قَدْرَهُ مِنَ الفَرَاغِ، وَلاَ لَهُ قِيَامٌ بِنَفْسِهِ.

Hakikat ‘araḍ ialah : perkara yang tidak mengambil ruang kadar dirinya dan tiada baginya kewujudan dengan cara berdiri sendiri.

حَقِيقَةُ المَكَانِ: هُوَ عِبَارَةٌ عَنْ جَوْهَرٍ اسْتَقَرَّ عَلَيْهِ جَوْهَرٌ آخَرَ.

Hakikat tempat ialah : ungkapan bagi jauhar yang menetap di atasnya jauhar yang lain.

حَقِيقَةُ الزَّمَانِ: هُوَ عِبَارَةٌ عَنِ اقْتِرَانِ مُتَجَدِّدٍ بِمُتَجَدِّدٍ.

Hakikat masa ialah : ungkapan bagi beriringannya suatu perkara yang sentiasa diperbaharui dengan perkara lain yang juga sentiasa diperbaharui.

وَإِنْ شِئْتَ قُلْتَ: عِبَارَةٌ عَنْ حَرَكَاتِ الأَفْلاَكِ وَمَا يَرْجِعُ إِلَيْهَا مِنَ السَّاعَاتِ وَاللَّحَظَاتِ، وَتَعَاقُبِ الجَدِيدَانِ وَهُمَا اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ.

Jika kamu kehendaki, kamu boleh katakan : ia adalah ungkapan bagi pergerakan falak (objek-objek langit), jam-jam dan detik-detik yang merujuk kepadanya, serta pergantian dua perkara yang baharu iaitu malam dan siang.

حَقِيقَةُ الغَرَضِ: عِبَارَةٌ عَنْ وُجُودِ بَاعِثٍ يَبْعَثُهُ تَعَالَى عَلَى إِيجَادِ فِعْلٍ مِنَ الأَفْعَالِ، أَوْ عَلَى حُكْمٍ مِنَ الأَحْكَامِ الشَّرْعِيَّةِ بِمُرَاعَاةِ مَصْلَحَةٍ تَعُودُ إِلَيْهِ أَوْ إِلَى خَلْقِهِ.

Hakikat tujuan ialah : ungkapan bagi wujudnya pendorong yang mendorong Allah Taala untuk menjadikan sesuatu perbuatan, atau menetapkan sesuatu hukum syarak dengan mengambil kira maslahat yang kembali kepada-Nya atau kepada makhluk-Nya.

حَقِيقَةُ العَجْزِ: هُوَ تَعَذُّرُ مُحَاوَلَةِ مَا يُمْكِنُ وُجُودُهُ.

Hakikat lemah ialah : ketidakbolehan untuk cuba mewujudkan sesuatu perkara yang mumkin wujud.

حَقِيقَةُ الكَرَاهَةِ: هِيَ عَدَمُ القَصْدِ.

Hakikat keterpaksaan ialah : ketiadaan kehendak.

حَقِيقَةُ الذُّهُولِ: عِبَارَةٌ عَنْ غَيْبَةِ أَمْرٍ سَبَقَهُ عِلْمٌ أَوْ لَمْ يَسْبِقْهُ.

Hakikat kelalaian ialah : ungkapan bagi ketiadaan sesuatu perkara (yang dapat diketahui) tidak kira sama ada telah diketahui sebelum ini atau belum diketahui.

حَقِيقَةُ العِلَّةِ: هِيَ الَّتِي يَتَأَتَّى مِنْهَا الفِعْلُ دُونَ التَّرْكِ، وَلاَ يَتَوَقَّفُ فِعْلُهَا عَلَى وُجُودِ شَرْطٍ وَلاَ انْتِفَاءِ مَانِعٍ، كَحَرَكَةِ الأَصْبَعِ مَعَ حَرَكَةِ الخَاتَمِ الَّتِي هِيَ فِيهِ.

Hakikat ‘illah ialah : perkara yang boleh terhasil darinya sesuatu perbuatan tetapi tidak dapat meninggalkan sesuatu perbuatan. Perbuatannya pula tidak tergantung kepada kewujudan syarat dan ketiadaan penghalang, seperti gerakan jari bersama gerakan cincin yang ada padanya.

حَقِيقَةُ الطَّبِيعَةِ: هِيَ الَّتِي يَتَأَتَّى مِنْهَا الفِعْلُ دُونَ التَّرْكِ، وَيَتَوَقَّفُ فِعْلُهَا عَلَى وُجُودِ شَرْطٍ وَانْتِفَاءِ مَانِعٍ، كَالنَّارِ مَعَ الإِحْرَاقِ مَثَلاً.

Hakikat tabiat ialah : perkara yang boleh terhasil darinya sesuatu perbuatan tetapi tidak dapat meninggalkan sesuatu perbuatan. Perbuatannya pula bergantung kepada kewujudan syarat dan ketiadaan penghalang, seperti api bersama pembakaran contohnya.

حَقِيقَةُ الجَهْلِ البَسِيطِ: هُوَ عَدَمُ إِدْرَاكِ أَمْرٍ مِنَ الأُمُورِ.

Hakikat jahil basīṭ ialah : tiada pengetahuan berkenaan sesuatu perkara.

حَقِيقَةُ الجَهْلِ المُرَكَّبِ: اِعْتِقَادُ أَمْرٍ عَلَى خِلاَفِ مَا هُوَ عَلَيْهِ.

Hakikat jahil murakkab ialah : meyakini sesuatu perkara berbeza dengan hakikat sebenarnya.

حَقِيقَةُ البُرْهَانِ: هُوَ مَا تَرَكَّبَ مِنْ مُقَدِّمَتَيْنِ يَقِينِيَّتَيْنِ لِإِنْتَاجِ يَقِينٍ لاَ يَحْتَمِلُ النَّقِيضَ بِوَجْهٍ مِنَ الوُجُوهِ، لاَ فِي الذِّهْنِ لِأَجْلِ الجَزْمِ، وَلاَ فِي الخَارِجِ لِأَجْلِ المُطَابَقَةِ، وَلاَ بِاعْتِبَارِ تَشْكِيكِ مُشَكِّكٍ لِأَجْلِ الثَّبَاتِ.

Hakikat al-burhān ialah : qiyas yang terbina daripada dua muqaddimah yang bersifat yakin untuk menatijahkan keyakinan yang tidak menerima perkara yang menafikannya dalam apa-apa bentuk sekalipun, ia tidak menerimanya di dalam fikiran kerana keteguhan (keyakinannya), tidak juga menerimanya pada realiti kerana keyakinannya bertepatan (dengan hakikat sebenar), dan tidak juga menerimanya dengan melihat kepada usaha menimbulkan syak oleh orang yang membuat keraguan kerana tetap (hujahnya).

حَقِيقَةُ الحُدُوثِ: هُوَ الوُجُودُ بَعْدَ العَدَمِ.

Hakikat baharu ialah : kewujudan setelah ketiadaan.

حَقِيقَةُ العَالَمِ: هُوَ عِبَارَةٌ عَنْ كُلِّ مَوْجُودٍ سِوَى اللهِ تَعَالَى وَصِفَاتِ ذَاتِهِ.

Hakikat alam ialah : ungkapan bagi setiap perkara yang wujud melainkan zat Allah Taala dan sifat zat-Nya.

حَقِيقَةُ الدَّوْرِ: عِبَارَةٌ عَنْ تَوَقُّفِ الشَّيْءِ عَلَى مَا يَتَوَقَّفُ عَلَيْهِ الشَّيْءُ، إِمَّا بِمَرْتَبَتَيْنِ أَوْ بِمَرَاتِبَ.

Hakikat al-dawr ialah : ungkapan bagi kebergantungan sesuatu perkara kepada perkara lain yang bergantung kepada perkara itu tadi, sama ada kebergantungan itu sebanyak dua peringkat atau lebih.

حَقِيقَةُ التَّسَلْسُلِ : عِبَارَةٌ عَنْ تَرَتُّبِ أُمُورٍ غَيْرَ مُتَنَاهِيَةٍ.

Hakikat tasalsul ialah : ungkapan bagi tersusunnya perkara-perkara yang tidak berpenghujung.

حَقِيقَةُ الرَّسُولِ: هُوَ إِنْسَانٌ بَعَثَهُ اللهُ تَعَالَى إِلَى عَبِيدِهِ وَإِمَائِهِ لِيُبَلِّغَهُمْ مَا أَوْحَى إِلَيْهِ.

Hakikat Rasul ialah : seorang manusia (lelaki) yang diutuskan oleh Allah kepada para hamba-Nya yang lelaki dan yang perempuan agar dia menyampaikan kepada mereka apa yang Allah wahyukan kepadanya.

وَالرِّسَالَةُ صِفَةٌ لِلرَّسُولِ.

Kerasulan adalah sifat bagi Rasul.

حَقِيقَةُ الرِّسَالَةِ: عِبَارَةٌ عَنْ إِيحَاءِ اللهِ تَعَالَى لِبَعْضِ عَبِيدِهِ بِحُكْمٍ إِنْشَائِيٍّ لاَ يَخْتَصُّ بِهِ.

Hakikat kerasulan ialah : ungkapan bagi pemberian wahyu daripada Allah kepada sebahagian hamba-Nya dengan hukum yang bersifat inshā' (iaitu suruhan dan larangan) yang mana hukum tersebut tidak khusus bagi dirinya.

وَالرَّسُولُ عَلَى هَذَا: هُوَ مَنْ أَوْحَي اللهُ إِلَيْهِ بِحُكْمٍ إِنْشَائِيٍّ لاَ يَخْتَصُّ بِهِ.

Rasul berdasarkan takrifan ini ialah : orang yang Allah berikan wahyu kepadanya dengan hukum yang bersifat inshā' yang tidak khusus kepada dirinya sahaja.

وَالنُّبُوَّةُ صِفَةٌ لِلنَّبِيِّ.

Kenabian adalah sifat bagi Nabi.

حَقِيقَةُ النُّبُوَّةِ: عِبَارَةٌ عَنْ إِيحَاءِ اللهِ تَعَالَى لِبَعْضِ عَبِيدِهِ أَوْ إِمَائِهِ بِحُكْمٍ إِنْشَائِيٍّ يَخْتَصُّ بِهِ. فَالنَّبِيُّ عَلَى هَذَا: مَنْ أَوْحَى اللهُ إِلَيْهِ بِحُكْمٍ إِنْشَائِيٍّ يَخْتَصُّ بِهِ.

Hakikat kenabian ialah : ungkapan bagi pemberian wahyu daripada Allah kepada sebahagian hamba-Nya dengan hukum yang bersifat inshā' (iaitu suruhan dan larangan) yang mana hukum tersebut khusus bagi dirinya. Maka Nabi berdasarkan takrif ini ialah : orang yang Allah berikan wahyu kepadanya dengan hukum yang bersifat inshā' yang khusus kepada dirinya sahaja.

وَالحَقِيقَةُ الجَامِعَةُ لِلرِّسَالَةِ وَالنُّبُوَّةِ: اخْتِصَاصُ بَشَرٍ بِسَمَاعِ وَحْيٍ مِنَ اللهِ تَعَالَى بِوَاسِطَةِ مَلَكٍ أَوْ دُونِهِ، فَإِنْ أُمِرَ بِالتَّبْلِيغِ فَرِسَالَةٌ، وَإِلاَّ فَنُبُوَّةٌ.

Hakikat yang menghimpunkan kerasulan dan kenabian ialah : pengkhususan bagi seseorang manusia dengan keistimewaan dapat mendengar wahyu daripada Allah Taala dengan perantaraan malaikat atau tanpa perantaraannya. Jika dia diperintahkan untuk menyampaikannya maka ia adalah kerasulan, dan jika tidak maka ia adalah kenabian.

وَالإِيمَانُ مُرَكَّبٌ مِنْ جُزْئَيْنِ: مَعْرِفَةُ اللهِ تَعَالَى، وَمَعْرِفَةُ رُسُلِهِ عَلَيْهِمُ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ.

Iman terbina daripada dua komponen : mengenal Allah Taala dan mengenal para Rasul.

حَقِيقَةُ الإِيمَانِ عَلَى مَذْهَبِ الشَّيْخِ: هُوَ حَدِيثُ النَّفْسِ التَّابِعِ لِلْمَعْرِفَةِ بِمَا يَجِبُ فِي حَقِّهِ تَعَالَى وَمَا يَسْتَحِيلُ وَمَا يَجُوزُ.

Hakikat iman mengikut mazhab Shaykh al-Ash'arī ialah : kata-kata hati yang mengikut pengetahuan berkenaan perkara-perkara yang wajib, mustahil dan harus bagi Allah.

وَعَلَى مَذْهَبِ القَاضِي تَقُولُ: مَعْرِفَةُ مَا يَجِبُ فِي حَقِّهِ تَعَالَى وَمَا يَسْتَحِيلُ وَمَا يَجُوزُ.

Hakikat iman mengikut mazhab Qāḍī al-Bāqillānī ialah : pengetahuan berkenaan perkara-perkara yang wajib, mustahil dan harus bagi Allah.

الثَّانِي: فِي مَعْرِفَةِ مَا يَجِبُ فِي حَقِّ الرُّسُلُ عَلَيْهِمُ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ وَمَا يَسْتَحِيلُ وَمَا يَجُوزُ.

Bahagian yang kedua : menerangkan pengetahuan berkenaan perkara-perkara yang wajib, mustahil dan harus bagi para rasul.

حَقِيقَةُ الصِّدْقِ عِنْدَ أَهْلِ السُّنَّةِ: عِبَارَةٌ عَنْ مُطَابَقَةِ الخَبَرِ لِمَا فِي نَفْسِ الأَمْرِ، وَافَقَ الاِعْتِقَادَ أَمْ لاَ.

Hakikat benar di sisi Ahlussunnah ialah : ungkapan bagi bertepatannya sesuatu perkhabaran dengan apa yang ada pada realitinya, tidak kisah sama ada perkhabaran tersebut sesuai dengan pegangan orang yang menyebut perkhabaran itu atau bercanggah dengan pegangannya.

حَقِيقَةُ الأَمَانَةِ: هِيَ حِفْظُ جَمِيعِ الجَوَارِحِ الظَّاهِرَةِ وَالبَاطِنَةِ مِنَ التَّلَبُّسِ بِمَنْهِيٍّ عَنْهُ نَهْيَ تَحْرِيمٍ أَوْ كَرَاهَةٍ.

Hakikat amanah (atau ‘iṣmah) ialah : penjagaan kesemua anggota badan yang zahir dan batin daripada melakukan perkara yang dilarang sama ada haram atau makruh.

وَالأَمَانَةُ صِفَةٌ لِلْأَمِينِ.

Amanah adalah sifat bagi al-Amīn.

وَحَقِيقَةُ الأَمِينِ: الَّذِي يَتْرُكُ الشَّيْءَ عَلَى الوَجْهِ الَّذِي أَوْصَاهُ بِهِ مَالِكُهُ، وَلاَ يَنْقُلُهُ بِسَبَبِ الشَّهْوَةِ مِنْ مَوْضِعٍ إِلَى مَوْضِعٍ.

Hakikat al-amin ialah : orang yang meninggalkan sesuatu perkara sesuai seperti mana yang dipesan oleh pemiliknya, dia tidak memindahkannya daripada satu tempat ke tempat lain dengan sebab keinginan syahwatnya.

حَقِيقَةُ الخِيَانَةِ: عِبَارَةٌ عَنْ عَدَمِ حِفْظِهَا مِنْ ذَلِكِ.

Hakikat khianat ialah : ungkapan bagi tiadanya penjagaan kesemua anggota badan yang zahir dan batin daripada melakukan perkara yang dilarang sama ada haram atau makruh.

حَقِيقَةُ المُعْجِزَةِ: هِيَ أَمْرٌ خَارِقٌ لِلْعَادَةِ، مَقْرُونٌ بِالتَّحَدِّي، مَعَ عَدَمِ المُعَارَضَةِ، لِعَجْزِ مَنْ يُبْتَغَى مُعَارَضَتُهُ عَنِ الإِتْيَانِ بِمِثْلِهِ.

Hakikat mukjizat ialah : perkara yang mencarik adat (sunnatullah di dalam alam ini), yang disertai dengan cabaran (agar membuktikan kerasulan) dalam masa yang sama tiada yang dapat melawan (mukjizat tersebut) ; kerana ketidakmampuan orang yang hendak melawannya untuk mendatangkan perkara yang seumpama dengan mukjizat tersebut.

حَقِيقَةُ الكَرَامَةِ: هِيَ خَارِقٌ لِلْعَادَةِ غَيْرُ مُتَحَدٍّ بِهِ عِنْدَ عَدَمِ الضَّرُورَةِ.

Hakikat karamah ialah : perkara yang mencarik adat yang tidak digunakan untuk mencabar orang lain ketika tiada keperluan yang mendesak.

حَقِيقَةُ الوَلِيّ: هُوَ العَارِفُ بِاللهِ تَعَالَى وَبِرَسُولِهِ عَلَيهِ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ، المُوَاظِبُ عَلَى الطَّاعَةِ، المُجْتَنِبُ لِلْمَعَاصِي، المُعْرِضُ عَنِ الاِنْهِمَاكِ فِي الشَّهَوَاتِ وَاللَّذَّاتِ.

Hakikat wali ialah : orang yang mengenal Allah Taala dan para Rasul-Nya, yang sentiasa melakukan ketaatan, menjauhi maksiat-maksiat, serta berpaling daripada tenggelam di dalam syahwat-syahwat dan kelazatan-kalazatan dunia.

حَقِيقَةُ السِّحْرِ: هُوَ مَا يُظْهِرُهُ اللهُ تَعَالَى عَلَى نَفْسٍ خَبِيثَةٍ شِرِّيرَةٍ.

Hakikat sihir ialah : perkara yang Allah zahirkannya pada jiwa yang keji lagi jahat.

وَحَقِيقَةُ الشَّعْوَذَةِ: هِيَ خِفَّةُ اليَدِ، مَعَ إِخْفَاءِ وَجْهِ الحِيلَةِ.

Hakikat silap mata ialah : kepantasan tangan beserta menyembunyikan bentuk helah.

وَحَقِيقَةُ الإِلَهِ: هُوَ الوَاجِبُ الوُجُودِ، المُسْتَحِقُّ لِلْعِبَادَةِ.

Hakikat Tuhan ialah : yang wajib wujud lagi berhak untuk disembah.

وَإِنْ شِئْتَ قُلْتَ: هُوَ الْمُسْتَغْنِي عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ، وَالْمُفْتَقِرِ إِلَيْهِ كُلُّ مَا عَدَاهُ.

Jika kamu kehendaki kamu boleh katakan : Tuhan ialah yang tidak memerlukan kepada apa-apa yang selain-Nya, dan semua yang selain-Nya memerlukan kepada-Nya.

وَالإِلَهُ كُلِّيٌّ.

Lafaz Tuhan adalah lafaz yang bersifat kulliy.

وَحَقِيقَةُ الكُلِّيِّ: هُوَ الَّذِي لاَ يَمْنَعُ نَفْسُ تُصَوُّرِ مَفْهُومِهِ مِنْ وُقُوعِ الشَّرِكَةِ فِيهِ، كَالإِنْسَانِ.

Hakikat kulliy ialah: lafaz yang mana taṣawwur maknanya tidak menghalang daripada berlaku perkongsian makna tersebut pada banyak individu, seperti lafaz manusia.

حَقِيقَةُ الجُزْئِيِّ: هُوَ الَّذِي يَمْنَعُ نَفْسُ تَصَوُّرِ مَفْهُومِهِ مِنْ وُقُوعِ الشَّرِكَةِ فِيهِ، كَزَيْدٍ.

Hakikat juz’iy ialah : lafaz yang mana taṣawwur maknanya menghalang daripada berlaku perkongsian makna tersebut pada banyak individu, seperti lafaz Zaid (iaitu nama khas bagi seseorang).

وَحَقِيقَةُ الاِخْتِصَارِ: هُوَ التَّفْسِيرُ بِاللَّفْظِ القَلِيلِ عَلَى المَعْنَى الكَثِيرِ. وَالإِيجَازُ مِثْلُهُ.

Hakikat ringkasan ialah : menggunakan lafaz yang sedikit untuk menjelaskan makna yang banyak. Ījāz juga sama makna seperti itu.

وَحَقِيقَةُ الإِطْنَابِ: هُوَ الزِّيَادَةُ عَلَى المَعْنَى المَقْصُودِ لِغَيْرِ فَائِدَةٍ.

Hakikat iṭnāb ialah : penambahan lafaz melebihi makna yang diinginkan tanpa ada faedah.

وَحَقِيقَةُ التَّوْفِيقِ: هُوَ خَلْقُ القَدْرَةِ عَلَى الطَّاعَةِ فِي مَحَلِّ العَبْدِ مُوَافَقَةً لِأَمْرِ الرَّبِّ. وَالهِدَايَةُ مِثْلُهُ.

Hakikat taufiq ialah : menjadikan kemampuan untuk melakukan ketaatan pada diri hamba dalam keadaan ianya sesuai dengan perintah Tuhan. Hidayah juga membawa makna yang sepertinya.

وَحَقِيقَةُ الضَّلَالَةِ: عِبَارَةٌ عَنْ خَلْقِ القُدْرَةِ عَلَى المَعْصِيَةِ فِي مَحَلِّ العَبْدِ مُخَالَفَةً لِأَمْرِ الرَّبِّ. وَالخُذْلاَنُ مِثْلُهُ. وَبِاللهِ التَّوْفِيقُ.

Hakikat kesesatan ialah : ungkapan bagi menjadikan kemampuan untuk melakukan kemaksiatan pada diri hamba dalam keadaan ianya bercanggah dengan perintah Tuhan. Khudhlān membawa makna yang sepertinya. Hanya dengan Allah sahajalah pemberian taufiq.

حَقِيقَةُ الرُّوحِ: جِسْمٌ نُورَانِيٌّ شَفَّافٌ يَسْرِي فِي الجَسَدِ كَسَرَيَانِ النَّارِ فِي الفَحْمِ.

Hakikat ruh ialah : jisim yang bercahaya dan bersifat lutsinar, ia mengalir di dalam tubuh seperti api mengalir di dalam arang.

حَقِيقَةُ التَّوَلُّدِ: إِيجَادُ حَادِثٍ بِوَاسِطَةِ مَقْدُورٍ حَادِثٍ بِالقُدْرَةِ الحَادِثَةِ.

Hakikat tawallud ialah : menjadikan sesuatu perkara yang baharu dengan perantaraan perkara baharu yang mampu dilakukan dengan sebab adanya qudrah yang baharu.

حَقِيقَةُ الاِفْتِقَارِ: عِبَارَةٌ عَنْ فَقْدِ أَمْرٍ يُطْلَبُ حُصُولُهُ.

Hakikat keperluan ialah : ungkapan bagi ketiadaan sesuatu perkara yang dituntut agar ia ada.

وَحَقِيقَةُ القَبُولِ: عِبَارَةٌ عَنِ اسْتِوَاءِ جَمِيعِ الصِّفَاتِ المَقْبُولَةِ إِلَى الشَّيْءِ القَابِلِ لَهَا.

Hakikat penerimaan ialah : ungkapan bagi kesamarataan kesemua sifat yang dapat diterima oleh sesuatu perkara (apabila disandarkan sifat-sifat tersebut) kepada susatu perkara yang dapat menerima kesemua sifat itu.

أَقْسَامُ الشَّرْعِ خَمْسَةٌ: وَاجِبٌ، وَمَنْدُوبٌ، وَمُحَرَّمٌ، وَمَكْرُوهٌ وَمُبَاحٌ.

Bahagian-bahagian hukum syarak ada lima : wajib, sunat, haram, makruh dan harus.

فَإِنْ قَالَ قَائِلٌ: مَا وَجْهُ الاِنْحِصَارِ فِي هَذِهِ الخَمْسَةِ أَوْ أَكْثَرَ أَوْ أَقَلَّ؟

Jika ada yang bertanya : apakah sebab terbatasnya hukum syarak kepada 5 bahagian ini, atau kepada lebih daripada itu, atau kurang daripada itu ?

فَتَقُولُ: الزَّائِدُ المُدَّعَى لاَ يَخْلُو إِمَّا أَنْ يَرِدَ بِاقْتِضَاءِ الفِعْلِ أَوْ بِاقْتِضَاءِ التَّرْكِ، فَإِنَ وَرَدَ بِاقْتِضَاءِ الفِعْلِ فَلاَ يَخْلُو إِمَّا أَنْ يَتَوَارَدَ عَلَى تَرْكِهِ عِقَابٌ مِنَ الشَّارِعِ فَهُوَ الوَاجِبُ، وَإِنْ لَمْ يَرِدْ عِقَابٌ عَلَى تَرْكِهِ مِنَ الشَّارِعِ فَهُوَ

المَنْدُوبُ، وَإِنْ وَرَدَ بِاقْتِضَاءِ التَّرْكِ فَلاَ يَخْلُو إِمَّا أَنْ يَتَوَارَدَ عَلَى فِعْلِهِ عِقَابٌ مِنَ الشَّارِعِ أَوْ لاَ، فَإِنْ وَرَدَ عِقَابٌ مِنَ الشَّارِعِ فَهُوَ المُحَرَّمُ، وَإِنْ لَمْ يَرِدْ عَلَى فِعْلِهِ عِقَابٌ مِنَ الشَّارِعُ فَهُوَ المَكْرُوهُ، وَإِنْ وَرَدَ بِاقْتِضَاءِ الأَمْرَيْنِ فَهُوَ المُبَاحُ.

Maka kamu jawab : perkara yang lain (daripada semata-mata kalam Allah) yang didakwa (wujud pada kalam-Nya itu) ia tidak terlepas sama ada ia datang dengan membawa tuntutan untuk melakukan sesuatu perbuatan atau dengan membawa tuntutan untuk meninggalkan sesuatu perbuatan.

Jika ia datang dengan membawa tuntutan untuk melakukan sesuatu perbuatan maka ia tidak terlepas sama ada datang juga hukuman daripada syarak kerana meninggalkannya ; maka ia adalah wajib.

Jika tidak datang hukuman daripada syarak kerana meninggalkannya ; maka ia adalah sunat.

Jika ia datang dengan membawa tuntutan untuk meninggalkan sesuatu perbuatan maka ia tidak terlepas sama ada datang juga hukuman daripada syarak kerana melakukannya atau tidak. Jika datang hukuman daripada syarak maka ia adalah haram.

Jika tidak datang hukuman daripada syarak kerana melakukannya ; maka ia adalah makruh.

Jika ia menuntut kedua-dua perkara (iaitu melakukan dan meninggalkan sesuatu perkara) maka ia adalah harus.

قَالَ: ومما يجب لمولانا جل وعز أن يكون مخالفا في ذاته وصفاته، ذاته لا تشبه الذوات، وصفاته لا تشابه الصفات، والعجز عن كنه ذاته وكنه صفاته بعد معرفة ما يجب لذاته تعالى وصفاته لأن ذلك محجوب عن العقول، فإن العجز عن المعرفة معرفة.

Shaykh al-Thaʿālibī berkata: Dan antara perkara yang wajib bagi Tuhan kita yang maha suci lagi maha mulia ialah bahawa Dia berbeza pada zat dan sifat-Nya. Zat-Nya tidak menyerupai zat-zat lain dan sifat-Nya tidak menyerupai sifat-sifat lain. Ketidakmampuan untuk memahami hakikat zat-Nya dan hakikat sifat-Nya (secara menyeluruh) berlaku selepas mengetahui apa yang wajib bagi zat dan sifat-Nya; kerana sesungguhnya hakikat itu tersembunyi daripada akal-akal. Maka, ketidakmampuan untuk mengetahui (secara sempurna) itu sendiri adalah satu bentuk pengetahuan.

قال جل من قائل: ليس كمثله شيء وهو السميع البصير، الكاف زائدة للنفي، والتقدير: ليس مثله شيء، لأنك إذ أثبته بالكاف ثبت له مثل، وذلك محال في حقه تعالى. وفقنا الله لما يحب ويرضاه.

Firman Allah: «Tiada sesuatu pun yang seumpama-Nya, dan Dia maha mendengar lagi maha melihat.» Huruf kāf pada lafaz «kamithlihī» adalah tambahan untuk penegasan penafian. Maka

maksud ayat ialah: «Tiada yang menyerupai-Nya.» Ini kerana jika kamu menetapkan 'seumpama-Nya' dengan huruf kāf, maka kamu telah menetapkan adanya sesuatu yang menyerupai-Nya, dan itu adalah mustahil bagi-Nya. Semoga Allah memberi taufiq kepada kita untuk perkara yang Dia cintai dan redai.

Kata penterjemah : Telah selesai terjemahan risalah ini pada jam 12 tengah hari, 12 ogos 2025M, di kediaman penterjemah di dalam Pusat Tarbiah dan Pengajian Islam Darul Hikmah, Kuala Nerang, Kedah. Semoga Allah menjadikan usaha terjemahan ini sebagai kunci pembuka jalan ilmu Uṣūluddīn kepada para pembaca yang minat untuk menguasai ilmu ini. Jika ada pahala pada amalan ini, penterjemah hadiahkan ia kepada guru penterjemah ; Syeikhuna Dr. Khalil Ilyās al-‘Irāqī, lalu kepada ibu dan ayah penterjemah ; Saleha binti Man dan Arwah Hj. Abdul Halim bin Abas.